

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI, DATO

HUSSEIN ONN, DIUPACARA

LANCARAN

BULAN DAKWAH ISLAMIAH SEMALAYSIA

DI BANGUNAN PARLIMEN, PADA 1HB

MUHARRAM TAHUN HIJRAH 1399 BERSAMAAN

DENGAN 1HB DISEMBER, TAHUN MASEHI

1978 - JAM 10.00 PAGI

Assalamualaikum WarahmaTullahi Wabarakatuh.

Al—Hamdulillah, segala pujian kepada Allah Subhanahu Wataala, selawat dan salam keatas junjungan besar Nabi kita, Muhammad Salallahu Alaihi WasallarMan kepada sekelian keluarga serta para sahabat baginda.

Bismillah Hirahman Nirahim.

Berhormat

1. Yang **Tan Sri Syed Nasir Ismail,**
10. **Pengerusi.Yayasan Dakwah Islamiah,**

y. B. yang Dipertua Dewan Negara.

2. Yang **Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri,**

3. Tuan Yang Terutama, **Ketua-Ketua Diplomat Negara-Neqara Islam,**

4. *Para hadirin sekalian.*

Saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia, serta taufik dan hidayahNya, dapat kita mengadakan Bulan Dakwah Islamiah yang julung kali, di negara kita ini.

2. Saya mengucapkan tahniah_f, kepada mereka yang telah berusaha bersungguh-sungguh, dalam menjayakan Bulan Dakwah Islamiah ini. Sesungguhnya, usaha seumpama ini, merupakan tugas yang amat mulia, dalam mengembang Agama Islam yang suci. Semoqa Allah memberkati segala usaha kita.

3. Saya mengucapkan terimakasih,serta setinggi-tinggi penghargaan,kepada Jawatankuasa Bulan Dakwah Islamiah,khusus kepada Pengerusinya, Yang Berbahagia Tan Sri Syed Nasir Ismail, kerana memberi penghormatan kepada saya,melancarkan dengan resminya, Bulan Dakwah yang pertama ini. Oleh kerana ianya diadakan pada hari pertama,Tahun Hijrah yang terakhir,kurun yang ke 14, maka Bulan Dakwah Islamiah ini, akan membawa erti yang lebih bermakna, kepada seluruh umat Islam di negara ini, supaya mereka dapat memulakan kurun yang ke 15,Tahun Hijrah,dengan lebih bertaqwa dan keimanan.

4. Lebih-lebih lagi ianya diadakan serentak diseluruh negara. Ini akan membolehkan setiap rakyat Malaysia, yang beragama Islam, serta lain-lain umat Islam yang bermastautin di negara ini, menyertai dan melibatkan diri, dalam segala kegiatan ugama yang dianjurkan dalam Bulan Dakwah ini. Di samping itu, saya harap, Bulan Dakwah Islamiah ini, akan dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada lain-lain rakyat Malaysia, terhadap usaha suci kita hendak membangkitkan kesedaran di kalangan umat Islam, serta meningkatkan taqwa dan keimanan rakyat Malaysia yang beragama Islam, supaya mereka dapat

menggunakan segala kemewahan dan kemakmuran hidup, kepada jalan yang diredzai Allah, dan bukannya kepada jalan-jalan yang salah, yang boleh membawa kepada kehancoran dan kemusnahan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

5. Saya harap, hasil dari Bulan Dakwah Islamiah ini, di samping dapat mencapai tujuan dan matlamat yang ditetapkan, umat Islam, bukan sahaja akan matang dalam pemikiran, amalan dan perbuatan dalam ugamanya sendiri, bahkan akan dapat menqawal kehormatan dirinya sendiri, dalam segala kegiatan hidup mereka sehari-hari. Inilah sebaik-baik hasil, yang boleh menyinarkan lagi, syiar Ugama suci Allah.

6. Saya harap,sempena dengan Bulan Dakwah Islamiah ini, lain-lain rakyat Malaysia,akan lebih memahami dengan usaha suci kita,mengukuhkan taqwa dan keimanan di kalangan umat Islam di neqara ini. Dalam masyarakat yang mewah dan makmur seperti di Malaysia, di mana setiap rakyat sentiasa bergerak dengan majunya,kearah memperolehi kemajuan kebendaan yang lebih tinggi, usaha-usaha seperti ini adalah perlu dijalankan, supaya umat Islam dapat menggunakan kemakmuran dan kemajuan,untuk faedah dan kebahagiaan hidup,di dunia dan di akhirat.

7. Itulah sebabnya, dalam usaha pesat Kerajaan melaksanakan rancangan pembangunan ekonomi dan sosial, bidang rohaniah dan membentuk akhlak yang tinggi, adalah juga sama-sama di titek beratkan. Dengan jalan ini, maka dapatlah kita memastikan, bahawa kemajuan yang dicapai, dan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat itu, sentiasa digunakan untuk kebaikan, dan bukannya untuk kemusnahan dan kehancuran mereka sendiri. Ini adalah penting, supaya usaha-usaha pembangunan dalam bidang ekonomi dan sosial itu, dapat membawa kesan yang sebaik-baiknya ke arah kemaiuan, serta dapat memastikan masa depan yang lebih terjamin, bagi rakyat dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

8. Sesungguhnya, bagi mencapai kemaiuan yang lebih pesat dan berkesan, usaha-usaha pembangunan sosial dan ekonomi, hendaklah diselaras serta di seimbangkan dengan pembangunan rohaniah.

Pembangunan fizikal tidak akan mendatangkan menafaat yang besar kepada rakyat dan negara, tanpa disertai dan disulami dengan pembangunan rohaniah, dan lain-lain usaha pembentukan akhlak yang tinggi. Jika pemisahan di antara kedua-dua pembangunan ini berlaku, ia akan hanya membawa akibat yang burok, yang boleh menieiaskan kemaiuan dan kemakmuran, *menjejaskan* serta keamanan dan keselamatan yang kita nikmati sekarang ini.

9. Inilah sebenarnya,hasrat dan cita-cita suci kita-dalam usaha pembangunan masyarakat baru Malaysia,iaitu Kemajuan yang penuh dengan kesejahteraan dan kebahagiaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Sebenarnya,pergerakan dakwah di Negara ini,telah berjalan sejak 600 tahun yang lalu. Tetapi,di masa-masa yang silam, usaha dakwah ini, hanya diselenggarakan oleh orang-orang perseorangan. Bagi membawa hasil yang lebih berkesan, Yayasan Dakwah Islamiah telah mengambil inisiatif, menggerakkan jentera dakwah secara intensif

keseluruhan negara, dengan tujuan menyedarkan umat Islam di negara ini khasnya, supaya sentiasa berpegang teguh kepada Agama Allah, dan sentiasa memperkukuhkan semangat persaudaraan dan persefahaman. Janganlah hendaknya, umat Islam berpecah belah, disebabkan oleh berbagai fahaman hidup, sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Imran ayat 103 yang bermaksud:

"Dan berpeganglah kamu semuanya, kepada *yaitu* tali Allah, dan janganlah kamu bercerai berai."

suatu

11. Sebagai rahmat kurniaan Tuhan, agama suci Allah ini, dapat dimanfaatkan untuk masa depan yang lebih cerah, bagi kegiatan dakwah Islamiah, dengan svarat para pendakwah hendaklah berpegang serta mematuhi, kepada peraturan yang boleh mengukuhkan lagi perpaduan umat Islam dan rakyat selurohnya. Perbezaan kecil yang wujud, hendaklah dihormati, dan berbagai cara atau kaedah pergerakan yang diqunakan, hendaklah diterima. Matalamat akhirnya ialah, hendak menjadikannya satu kenyataan. Kita mestilah insaf, bahawa kita masih termasuk dalam satu gulongan umat manusia yang daif dan serba kekurangan.

12. Saya memang tertarik hati dengan tujuan Bulan Dakwah ini dilancarkan. Diantara tujuan itu, menurut apa yang difahamkan kepada saya, ialah bagi meningkatkan persefahaman dari perpaduan di kalangan umat Islam supaya mereka memahami dan mengikuti ajaran agama Islam yang sebenar-benarnya, serta meningkatkan kesedaran di kalangan umat Islam, untuk melaksanakan tugas Dakwah, dengan melakukan segala kebaikan, dan mencegah dari kemungkaran.

PAUSE.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

13. Sesungguhnya, tujuan ini amatlah penting di tanam dan dipupok, dalam jiwa masyarakat Umat Islam kita hari ini, supaya mereka sedar dan sentiasa

menghayatkan Islam sebagai peraturan hidup, dalam mencari keredhaan Allah di dunia, dan kebahagiaan di akhirat.

14. Menyentuh tentang masalah dakwah, saya suka mengingatkan para pendakwah, atau mana-mana badan yang melibatkan diri dalam bidang dakwah, supaya menjalankan seruan atau dakwah mereka, dengan cara yang benar-benar dikehendaki oleh Islam, sebaqaimana yang disarankan oleh Allah dalam surah An-Nahl, ayat 125 yang bermaksud:

"Serulah kepada jalan Tuhanmu, dengan cara bijaksana (Hikmah) dan nasihat-nasihat yang baik, dan bincangilah mereka, dengan cara yang paling baik"

15. Jangan sekali-kali menjalankannya dengan cara kekerasan, kerana *ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam yang ditegaskan oleh Allah dalam surah Al-Baqarah, ayat 256, yang bermaksud:*

"Tidak ada paksaan untuk memasuki agama (Islam), sesungguhnya, telah jelas jalan yang benar dari jalan yang salah...."

16. Dengan melaksanakan cara dakwah yang telah digariskan-oleh Allah, dan yang telah ditunjokkan oleh Junjungan Besar Nabi kita, Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam, Insya Allah ugama Islam akan

menjadi bertambah mulia lagi, dan lebih tinggi syiarnya, dan umatnya akan sentiasa dihormati dan disegani.

17. Oleh yang demikian, saya berharap, Bulan Dakwah Islamiah ini, akan dapat mencapai matalamat yang dikehendaki. Bersempena dengan Bulan Dakwah ini, kita patutlah mengambil kesempatan mengkaji kembali segala kelemahan dan kekurangan kita selama ini, supaya kita dapat meningkatkan/tekad dan azam kita, bagi menghadapi cabaran dan dugaan di tahun-tahun yang akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

18. Dengan ini, saya dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi amat mengasehani, mengisytiharkan pelancaran Bulan Dakwah Islamiah ini.

Wabillahi Taufik,

Wassalamu'alai kum, Warahmatu11ahi

Wabarakatuh.



No Siri 407
No Penerimaan 46/81